

Kerajaan dukung dasar fiskal yang kukuh

KERAJAAN akan mendukung dasar fiskal yang kukuh bagi menyokong momentum pertumbuhan ekonomi secara mampan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata,

kerangka ini antara lain, memberikan tumpuan kepada pencapaian daya tahan dan kemampuan fiskal dengan sasaran defisit fiskal sebanyak 3.0 peratus dalam tahun mendatang.

“Aspirasi ini juga bertujuan untuk mentransformasikan ekonomi negara bagi merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi 30 ekonomi terbesar dalam tempoh 10 tahun.

“Penyepaduan dasar-dasar menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Peng-

gal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) akan menggerakkan usaha seluruh jentera kerajaan secara kolektif untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang disegani dan terkemuka di Asia,” katanya dalam prakata laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024.

Menurut beliau, pada 2024, tinjauan fiskal akan mengutamakan langkah kitaran balas dalam mendepani cabaran luaran dan menyokong inisiatif bagi menentukan hala tuju baharu ekonomi.

Ujarnya, dalam mengharungi cabaran dan peluang ini, kerajaan terus komited untuk mencapai defisit fiskal yang lebih rendah iaitu 4.3 peratus melalui konsolidasi fiskal.

“Kita juga berazam untuk mendukung prinsip amalan kewangan awam yang bertanggungjawab dan pragmatik dalam memperkukuh semula penampan fiskal serta mengurangkan pendedahan kepada hutang dan liabiliti selain pada masa yang sama berusaha mencapai pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi,” katanya.

